

KORPUS KRISTUS (TUBUH DARAH KRISTUS) A

Ulangan 8:2-3. 14-16; Mazmur 147:12-15. 19-20. R. v. 12; 1 Korintus 10:16-17 Yohanes 6:51-58

Tema: MANUSIA HIDUP BUKAN KERANA ROTI SAHAJA, TETAPI KERANA FIRMAN ALLAH DAN “TUBUH KRISTUS”

1. Hari ini kita merayakan pesta Korpus Kristus dan bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita manusia bukan hidup kerana roti sahaja, tetapi juga kerana Firman Allah dan “tubuh Kristus”

Bacaan Pertama memberitahu kita bahawa manusia bukan hidup kerana roti sahaja, tetapi juga kerana firman Allah. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Allah membawa umat Israel ke padang gurun untuk mengajar mereka dan manusia bukan untuk hidup pada roti sahaja tetapi kerana pada Firman Allah.

Dengan itu dalam bacaan pertama: “Jadi Ia merendahkan hatimu, membiarkan engkau lapar dan memberi engkau makan manna, yang tidak kau kenal dan yang juga tidak dikenal oleh nenek moyangmu, untuk membuat engkau mengerti, bahwa manusia hidup bukan dari roti saja, melainkan dari segala sesuatu yang disabdakan Tuhan” (Ul 6:3)

Yesus membuat petikan ini untuk mengatasi saitan apabila saitan mencobai Yesus supaya mengubah batu-batu menjadi roti dan memuaskan kelaparan Nya. “Manusia hidup bukan dari roti saja, tetapi dari setiap firman yang keluar dari mulut Allah.” (Mat 4:4)

2. Sahutan Mazmur menyusuli tema bacaan pertama. Sahutan Mazmur adalah lagu pujian kepada Allah yang telah memulih Israel daripada Keluaran, dan lebih penting lagi, sahutan mazmur adalah lagu pujian kepada Allah yang telah menjadikan Israel sebagai tempat untuk mewahyukan Firman Allah.

Sahutan Mazmur ada tiga stansa. Yang pertama dan bahagian pertama stansa kedua memuji Tuhan kerna memulihkan Israel selepas Keluaran. (Mz 147:12-14)

Bahagian kedua di stansa kedua dan stansa ketiga memuji Tuhan kerana membuat Israel sebagai penyampai firman Allah.

“Dialah yang menyampaikan sabda-Nya kepada Yacub, ketetapan dan hukum-Nya kepada Israel. Ia tidak berbuat demikian kepada segala bangsa, hukum-hukum-Nya tidak mereka kenal.” (Maz 147:15, 19-20)

Oleh kerana itu sahutan mazmur adalah: “Umat Allah, pujilah Tuhanmu!” (Mzm 147:12)

3. Injil memberitahu kita bahawa manusia tidak hidup kerana roti sahaja, tetapi dari “Tubuh Kristus”. Dengan itu kita membacanya dalam Injil:

“Akulah roti yang turun dari surga dan yang memberi hidup. Barangsiapa makan roti ini akan hidup selama-lamanya. Dan roti yang Kuberikan itu ialah Tubuh-Ku, yang akan Kuberikan agar dunia hidup.” (Yoh. 6:51)

“Sungguh benar apa yang Kukatakan kepadamu: jika kamu makan tidak makan tubuh Putera Manusia dan minum darah-Nya, kamu tidak mempunyai hidup di dalam dirimu. Barangsiapa makan daging-Ku dan minum darah-Ku, ia mempunyai hidup yang kekal dan Aku akan membangkitkan dia pada akhir zaman. Sebab daging-Ku, ia mempunyai-Ku adalah benar-benar minuman.” (Yoh. 6:53-55)

“Inilah roti yang telah turun dari surga, bukan roti seperti yang nenek moyangmu dan mereka telah mati. Barang siapa makan roti ini, akan hidup selama-lamanya.” (Yoh. 6:58)

Injil hari ini memberitahu kita bahawa kita makan tubuh Kristus dan darah-Nya dalam Ekaristi. Sangat penting, dalam Ekaristi, kita makan transformasi dan kemuliaan tubuh dan darah Kristus yang bangkit, yang tidak terhad oleh masa dan ruang, yang dapat melintasi pintu-pintu tertutup, yang dapat berada dimana-mana dengan serta merta, dan yang tidak memerlukan makanan dan minuman. (McKarns)

Tuhan yang bangkit boleh masuk ke dalam roti dan mengubahnya menjadi tubuh-Nya, dan apabila kita memakan Tubuh-Nya, Dia dapat masuk dalam kita dan mengubah kita menjadi kebangkitan “kehidupan dan kemuliaan Tubuh-Nya.”

Sebab itulah kita membaca dalam “General Instruction of the Roman Missal” GRM [Arahan Umum Roman Missal]:” Padri memecahkan roti dan meletakkan sedikit hostia itu kedalam chalice untuk menandakan kesatuan Tubuh dan Darah Tuhan dalam karya penyelamatan, khususnya, akan kehidupan dan kemuliaan Tubuh Yesus Kristus.”

4. Akhir sekali, pembacaan kedua memberitahu kita bahawa apabila kita makan tubuh Kristus kita menjadi satu tubuh Kristus, ia itu, kita bersatu dengan Yesus Kristus dan kita bersatu antara satu dengan yang lain.

Sebab itu kita membaca dalam bacaan kedua: “Karena roti itu hanya satu, maka kita biarpun banyak menjadi satu tubuh, sebab kita semua mengambil bagian pada roti yang satu itu.” (1 Korintus 10:17)

5. Dalam Ekaristi hari ini, kita merayakan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus, dan kita memakan tubuh-Nya dan minum darah-Nya, dan Tuhan yang bangkit memberi kita Roh Kudus untuk mengampuni dosa-dosa kita dan untuk memberi kita kehidupan baru, dan menyatukan kita dengan Dia dan dengan antara satu dengan yang lain, agar kita menjadi tanda dan sakramentum penyelamatan dunia. Selamat menyambut Korpus Kristi kepada semua dan selamat bergembira di hujung minggu ini.

Amen!

Cadangan soalan untuk renungan individu dan untuk perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil, dan dalam komuniti yang kecil:

1. Percayakah kamu bahawa Yesus Kristus benar-benar hadir dalam Ekaristi?
2. Percayakah kamu apabila kamu makan tubuh Tuhan kamu memakan tubuh kebangkitan Tuhan?
3. Adakah kamu menghadiri Misa Kudus pada setiap hari Minggu? Adakah kamu pergi menyambut setiap hari Minggu? Adakah kamu berkongsi dan berdoa firman Allah (Bacaan Misa Kudus Hari Minggu)

dengan keluarga kamu. Kawan-kawan, kumpulan dan komuniti kamu? 4. Percayakah kamu bahawa roti sendiri tidak dapat memberi kamu kehidupan?

4. Percayakah kamu bahawa Firman Allah boleh memberi kamu kehidupan? Percayakah kamu yang Tubuh Kristus boleh memberi kamu kehidupan?

5. Percayakah kamu bahawa komuniti Gereja seperti Komuniti Kristian Dasar (KKD) boleh menjadi tanda dan sakramentum penyelamatan dunia? Adakah kamu mempunyai KKD di paroki kamu? Apakah kamu mempunyai KKD di kawasan kamu? Adakah kamu menghadiri perjumpaan KKD di kawasan kamu?

6. Apakah yang dikatakan kepada kamu dari petikan Injil ini: “Inilah roti yang telah turun dari surga, bukan roti seperti yang nenek moyangmu dan mereka telah mati. Barang siapa makan roti ini, akan hidup selama-lamanya.” (Yoh. 6:58)

7. Apakah yang dikatakan kepada kamu tentang petikkan Doa pembukaan ini: “Tuhan Yesus Kristus, dalam sakramen Ekaristi yang luhur ini Engkau mewariskan kepada kami kenangan mulia akan wafat dan kebangkitan-Mu. Semoga kami selalu menagungkan misteri kudus tubuh dan darah-Mu, sehingga pantas menikmati hasil penebusan-Mu. Sebab Engkau adalah Tuhan dan pengantara kami, yang hidup dan bertahta bersama Bapa dalam persatuan Roh Kudus, kini dan sepanjang segala masa.”?

8. Apakah yang di katakan dalam Doa Persembahan ini bagi kamu: “Tuhan, semoga roti dan piala yang kami persembahkan membawa Gereja-Mu yang menjadi lambang kesatuan dan perdamaian.”

9. Apakah yang dikatakan kepada kamu mengenai petikkan PREFASI EKARISITI ini: “Kristus adalah benar-benar imam yang berkekalan dan yang telah membuatkan pengorbanan tanpa akhir ini. Dia sendiri telah memberikan diriNya sebagai korban ini sebagai kenang-kenang-Nya. Sambil kita memakan tubuh-Nya yang Dia telah berikan kepada kita, kita dibersihkan.”?

10. Apakah yang dikatakan dalam Antifon Komuni ini kepada kita: Tuhan Yesus Kristus, Engkau memberi kami tubuh dan darah-Mu sebagai tanda bahwa sekarang juga Engkau berkongsi kehidupanMu bersama kami dalam Ekaristi. Semoga kami akan sampai kepada memiliki sepenuhnya di dalam kerajaanMu untuk selama-lamanya.

11. Bacaan dengan kuat kepada perkumpulan mana-mana ayat ayat yang telah menyentuh kamu dalam bacaan-bacaan hari ini. “....”

12. Adakah kamu mempunyai pengalaman lain yang ingin kamu kongsi?

13. Adakah kamu mempunyai doa-doa yang ingin kamu sampaikan untuk menyahut Firman Allah?

Gereja Holy Trinity (HTC), Batu 1 ½, Jln Kuhara, Tawau, Sabah, Malaysia.